

KUMPULAN CERITA RAKYAT SARAWAK

Kisah Dayang Laing dan Bintang Tujuh

DAHULUKALA bumi ini tidak didiami oleh sesiapa. Pada suatu hari tuhan telah mencipta seketul batu emas dan meletakkannya di kaki langit. Beberapa lama kemudian ketul batu itu menjelma menjadi seorang gadis jelita bernama Dayang Laing. Kerana tiada manusia lain ketika itu maka tinggalah Dayang Laing sendirian dalam sebuah pondok untuk beberapa lama. Apabila dia sudah dewasa Dayang Laing berasa sangat sedih kerana tiada lelaki untuk dijadikan suami.

Pada suatu hari, Dayang Laing telah membiarkan tubuhnya dihembus oleh bayu petang untuk beberapa ketika. Tidak lama selepas itu dia mendapati dirinya tiba-tiba saja sudah mengandung. Apabila tempohnya sudah cukup Dayang Laing pun melahirkan enam orang anak, semuanya perempuan. Anak-anak itu membesar dengan cepat dan sangat jelita seperti ibu mereka juga.

Pada suatu hari, angin yang kuat telah datang melanda pondok yang didiami oleh Dayang Laing dan anak-anaknya. Angin itu kemudian menerbangkan kesemua anak Dayang Laing ke angkasa. Apabila Dayang Laing mendongak ke langit dia ternampak anak-anaknya sedang duduk berkumpul sesama sendiri jauh di angkasa raya. Dayang Laing berasa sangat sedih dan hiba. Malam itu dia sekali lagi mendongak ke langit kerana tidak dapat melupakan anak-anaknya. Anak-anaknya masih lagi kelihatan di sana, bercahaya dan bergemerlapan sebagai bintang tujuh atau *pleiades*.

Sementara itu, seorang anak dewa bernama Abu Tingang dan pengikut-pengikutnya sedang membuat perancangan untuk menuba ikan. Rancangan Abu

Tingang itu membimbangkan ketua katak yang bernama Bunsu Raong. Bunsu Raong tidak mahu ikan dituba begitu dan mengarahkan supaya semua katak di negeri tersebut menguak siang dan malam agar dapat menarik perhentian Abu Tingang. Rancangan Bunsu Raong memang berjaya. Abu Tingang yang berasa marah dan bosan mendengar bunyi katak yang bising itu terpaksa pergi berjumpa dengan Bunsu Raong.

“Kenapa kamu orang buat bising siang dan malam begini?” tanya Abu Tingang dengan suara yang tinggi.

“Kami tidak setuju dengan rancangan kamu untuk menuba ikan. Kamu bukan saja akan menyebabkan ikan-ikan besar mati tetapi yang kecil-kecil juga. Kalau kamu hendak menangkap ikan baik kamu tutup pintu langit supaya hujan tidak turun ke bumi. Apabila sungai sudah kering bolehlah kamu pilih ikan yang besar-besar. Yang kecil-kecil itu kamu tinggalkan saja dalam air yang cetek supaya ia berpeluang untuk membesar nanti,” kata Bunsu Raong berterus-terang.

“Betul juga katamu, Bunsu Raong. Tetapi bagaimana pula saya hendak tutup pintu langit? Itu kerja yang mustahil,” balas Abu Tingang.

“Saya tahu. Kamu sendiri memang tidak dapat melakukannya tetapi kamu pergilah minta pertolongan daripada Dewa Sera Gindit. Saya yakin dia dapat menolong kamu,” tambah Bunsu Raong.

Hari berikutnya Abu Tingang lalu memulakan perjalanan ke langit untuk mencari rumah dewa Sera Gindit. Selepas berjalan beberapa hari meredah kawasan yang kering dan kontang dia pun sampai di suatu kawasan yang hanya ditumbuhi sepohon kelapa. Pohon kelapa itu tidak berdaun tetapi ada setandan buah yang muda. Kerana berasa haus Abu Tingang pun memanjat pohon kelapa tersebut untuk memetik buahnya.

Ketika Abu Tingang sedang berada di atas pokok kelapa tadi dia ternampak ada sebuah pondok di bawah sana tidak berapa jauh dari pokok kelapa tersebut. Apabila Abu Tingang sudah habis minum air buah kelapa yang dipetikanya dia pun pergilah ke pondok

itu tetapi tidak menjumpai sesiapa di situ. Dia hanya menjumpai beberapa benda dan peralatan seperti kepingan *batu perunsut* dan juga sebuah tempayan besar.

Apabila Abu Tingang membuka tudung tempayan tadi dia ternampak ada seorang wanita yang berkilauan kulitnya sedang duduk bersembunyi di dalam. Apabila ditanya wanita itu memberitahu namanya Dayang Laing dan dia tinggal seorang diri di negeri itu. Katanya, dia terpaksa bersembunyi di dalam tempayan kerana takut dibunuh oleh burung geroda yang kerap datang ke negeri itu kerana mencari makan.

Abu Tingang yang tertarik dengan kecantikan Dayang Laing kemudian mengajak wanita itu untuk menjadi isterinya. Dayang Laing tidak menolak ajakan Abu Tingang asalkan lelaki itu sanggup menjaganya. Maka, mulai hari tersebut Abu Tingang dan Dayang Laing pun hiduplah sebagai sepasang suami isteri. Untuk tujuan keselamatan Abu Tingang telah memagari pondok mereka dengan batang-batang kayu besar dan juga batang-batang pisang.

Beberapa hari kemudian, burung yang ditakuti pun datangla ke situ dan terus menyerang pondok yang didiami oleh Abu Tingang dan Dayang Laing. Dengan tenaga yang luar biasa burung itu berjaya mencabut dan mematahkan satu demi satu tiang-tiang kayu yang dipasangkan sebagai pagar pondok. Bagaimanapun apabila ia cuba mematok dan mencengkam tiang-tiang pagar daripada batang pisang paruh serta kukunya pun tersangkut dan terperangkap pada selat-selat batang pisang tersebut. Semakin kuat burung itu meronta dan mengganas kuku dan paruh burung itu semakin terperangkap pada selat-selat pisang itu. Abu Tingang yang sedang bersembunyi di sebalik dinding pun cepat-cepat melompat keluar dan terus mencantas leher burung tersebut dengan *ilang tajam* sehingga putus.

Tidak lama selepas peristiwa itu Abu Tingang lalu mengambil keputusan untuk kembali ke negeri asalnya dan membawa Dayang Laing bersama. Setelah berjalan beberapa hari, akhirnya mereka pun sampai di rumah orang tua Abu Tingang. Ibu bapa

Abu Tingang berasa sangat gembira dengan kepulangan anak mereka. Mereka juga menyambut baik kehadiran Dayang Laing kerana wanita itu bukan saja cantik rupa paras tetapi elok budi bahasanya.

Malam itu, ayah Abu Tingang memanggil semua penghuni rumah panjang untuk berkumpul di ruainya. Dia kemudian mengumumkan bahawa majlis dan upacara perkahwinan Abu Tingang dan Dayang Laing akan diadakan pada petang hari berikutnya dan mereka semua dijemput hadir. Petang hari berikutnya, seperti mana yang ditetapkan, Abu Tingang dan Dayang Laing pun dikahwinkan mengikut adat dan amalan penduduk di situ.

Dipendekkan cerita, Abu Tingang suami isteri hidup aman dan bahagia sehingga ke anak cucu mereka.

Sumber: *Kumpulan Cerita Rakyat Negeri Sarawak: Kisah Si Sidur*

